

23/06/2002

Melayu belum selamat ingatan pemimpin berwawasan: Rais

KUALA LUMPUR: Ingatan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa Melayu belum selamat pada Perhimpunan Agung Umno 2002 mungkin menjadi pesanan terakhir kepada bangsa Melayu supaya mereka memperbaiki diri.

Ketua Umno Bahagian Jelebu, Datuk Seri Dr Rais Yatim, berkata beliau berpendapat, ini mungkin kali terakhir seorang pemimpin yang berwawasan mampu mengingatkan bangsanya kembali menerusi asas perjuangan Umno.

"Sebagai ahli politik yang agak lama, pesanan Dr Mahathir itu mesti diterjemah dalam bentuk amalan bagi memartabatkan bangsa Melayu," katanya ketika ditemui di luar Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) ketika perwakilan berehat untuk minum pagi.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kesan ucapan perasmian Dr Mahathir kepada perwakilan ketika perbahasan masuk hari terakhir, semalam.

Rais berkata, ingatan berulang kali Presiden Umno disebabkan orang Melayu cenderung melupakan asas perjuangan, menyalahgunakan agama seperti parti pembangkang Pas meracuni kemajuan orang Melayu pada masa akan datang.

Katanya, bangsa Melayu harus mengingati nilai berdikari, nilai diri dan menghargai kebolehan diri dan tidak berharap kepada keistimewaan.

"Tidak ada bangsa di dunia ini yang akan menjadi maju walaupun mendapat hak keistimewaan selama-lamanya.

"Oleh itu, Umno dengan misi yang baru mesti melangkah cepat dan bertindak tegas dalam perkara ini kerana jika tidak, keselamatan orang Melayu akan tergugat kerana kepandaian kaum asing semakin meningkat dan meninggalkan pencapaian Melayu," katanya.

Beliau mengangap orang Melayu tidak lagi harus bergantung kepada 'tongkat' yang selama ini membantu mereka, sebaliknya berusaha sendiri jika mahu bersaing dengan bangsa asing.

Beliau berkata demikian sebagai merujuk kepada isu pendidikan terutama kemasukan 10 peratus bukan Bumiputera ke Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) dan pusat matrikulasi.

Ia termasuk isu penggunaan bahasa Inggeris bagi mata pelajaran Sains dan Matematik pada peringkat persekolahan.

Rais berkata, sikap segelintir orang Melayu yang taksab terhadap hak keistimewaan dan menentang cadangan kerajaan harus dihentikan demi kebaikan orang Melayu.

Katanya, orang Melayu harus sedar dan tidak menolak bahawa bahasa Inggeris penting dalam pelbagai bidang ilmu.

"Bahasa Melayu seperti yang kita lihat, tidak sampai ke mana sebagai bahasa ilmu, oleh itu gesaan menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa ilmu tidak dapat ditolak lagi," katanya.

Bagaimanapun katanya, bahasa Melayu tidak harus diketepikan sebagai bahasa perpaduan dan bahasa kebangsaan kerana ia dijamin dalam Perlembagaan negara.

(END)